

NO.SOALAN : 121

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN
DEWAN RAKYAT, MALAYSIA**

PERTANYAAN : BERTULIS
DARIPADA : DR. ISMAIL BIN DAUT [MERBOK]

Dr. Ismail Bin Daut [Merbok] minta MENTERI PERDAGANGAN DALAM NEGERI, KOPERASI DAN KEPENGGUNAAN menyatakan adakah pihak Kementerian bercadang untuk mengkaji semula syarat-syarat Skim 1 Pelajar 1 Perniagaan SSM 2017 dan apakah langkah yang dilakukan bagi mengelak penyalahgunaan lesen perniagaan oleh warga asing di negara ini.

JAWAPAN

Tuan Yang Di-Pertua,

Setakat ini, Kementerian belum bercadang untuk mengkaji semula syarat-syarat Skim 1P1P. Paket pemberian insentif yang dikenali sebagai Skim 1 Pelajar 1 Perniagaan (1P1P) merupakan inisiatif Suruhanjaya Syarikat Malaysia (SSM) yang terkini melibatkan golongan belia, khususnya pelajar telah diumumkan oleh YAB Perdana Menteri Malaysia, Dato' Sri Mohd Najib Tun Abdul Razak di dalam Program ONE pada 4 Disember tahun lalu. Melalui skim tersebut, tertakluk kepada syarat-syarat yang telah ditetapkan, para pelajar boleh mendaftarkan perniagaan mereka dengan SSM untuk tempoh setahun secara percuma.

Bagi isu melibatkan penyalahgunaan lesen perniagaan oleh warga asing di negara ini pula, skop SSM hanya berkaitan pendaftaran perniagaan. Di bawah peruntukan Akta Pendaftaran Perniagaan 1956 (APP 1956), warganegara Malaysia atau individu yang memiliki status Penduduk Tetap sahaja boleh mendaftarkan perniagaan di SSM.

Oleh itu, dengan kuasa terhad di dalam skop penguatkuasaan terhadap aktiviti perniagaan oleh warga asing, SSM sentiasa komited dalam menangani isu tersebut. Melalui *blue ocean strategy*, pelbagai langkah telah dilaksanakan secara kolaborasi dengan lain-lain agensi penguatkuasaan, untuk mengelak penyalahgunaan lesen perniagaan oleh warga asing di negara ini.

SSM juga telah mengeluarkan Pekeliling Bil 1/2017 - Kuasa Pendaftar Untuk Membatalkan Entiti Perniagaan Atas Alasan Tertentu; bertarikh 10 Julai 2017 yang bertujuan untuk menjelaskan kuasa

Pendaftar SSM untuk membatalkan entiti perniagaan di bawah pengawalseliaan SSM yang didapati menyalahgunakan perniagaan dengan menggaji warga asing tanpa permit yang berkaitan atau membenarkan perniagaan yang didaftarkannya dijalankan oleh warga asing.